

11 NOV 2003

Abdullah-Pelajar

ABDULLAH JELASKAN PENANGKAPAN PELAJAR BAWAH ISA

PUTRAJAYA, 11 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menjelaskan bahawa tindakan kerajaan menangkap 13 pelajar Malaysia di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selepas dihantar pulang dari Pakistan, ialah bagi membantu siasatan berhubung dakwaan pembabitian mereka dalam kegiatan kumpulan militan Jemaah Islamiah (JI).

Perdana Menteri berkata berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui agensi-agensi tertentu Pakistan, pelajar itu didakwa terlibat dalam kegiatan JI bahkan mempunyai hubungan dengan orang tertentu yang terlibat dengan kumpulan berkenaan.

"Dengan memahami bahawa mereka ini ada kemungkinan merupakan kader-kader JI yang akan diberi latihan di Pakistan dan dengan itu akan meneruskan kegiatan-kegiatan yang hari ini dibawa oleh kumpulan JI ini, adalah mustahak daripada segi keselamatan untuk menyiasat sejauh manakah mereka terlibat," katanya.

Abdullah, yang kini memegang jawatan Menteri Kewangan menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata demikian pada sidang berita di hari pertama beliau menjejakkan kaki ke pejabatnya di Kompleks Kementerian Kewangan di sini.

Laporan akhbar menyebut kumpulan pelajar yang merupakan bekas penuntut dua buah universiti di Karachi itu dihantar pulang selepas ditahan pihak berkuasa Pakistan 20 Sept lepas kerana disyaki terlibat dalam kegiatan militan.

Dalam satu kenyataan semalam, Ketua Polis Negara Datuk Seri Mohamed Bakri Omar berkata mereka ditangkap di bawah ISA sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang kerana disyaki mempunyai kaitan dengan JI yang mengancam keselamatan negara.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri memberi jaminan kumpulan pelajar itu akan dibebaskan jika siasatan mendapati sebaliknya.

"Kalau tak ada apa-apa maka tidak ada sebab mengapa kita perlu tahan mereka ini di bawah ISA," katanya sambil menjelaskan bahawa jika begitu keadaannya, tidak salah untuk mereka meneruskan pelajaran.

Beliau mengakui akan ada pertubuhan bukan kerajaan atau ibu bapa dan saudara mara pelajar terbabit yang mempersoalkan penangkapan mereka di bawah undang-undang ISA.

Sambil menasihatkan ibu bapa pelajar berkenaan supaya bersabar, Abdullah berkata: "Saya harap mereka dapat memahami bahawa sebabnya kita tangkap di bawah ISA adalah bertujuan untuk membuat siasatan."

Abdullah berkata pelajar itu bukan semuanya muda kerana ada yang sudah berumur.

Menjawab satu pertanyaan, beliau berkata kerajaan meminta supaya mereka dihantar pulang setelah mengetahui tentang penangkapan mereka di Pakistan kerana hakikatnya ialah mereka merupakan warga Malaysia.

Katanya kumpulan pelajar itu dilihat terlibat dengan kumpulan tertentu dan dengan sebab itu mereka dilarang untuk terus berada di Pakistan.

-- BERNAMA

MAM RON